



SIARAN MEDIA

INISIATIF PENINGKATAN KEMAHIRAN TEKNOLOGI DAN TEKNIKAL DIPERKUKUH MELALUI MAJLIS PEMBANGUNAN PROFESIONAL TEKNOLOGI DAN TEKNIKAL (TPDC)

PUTRAJAYA, 7 JANUARI 2025 – Dalam usaha memajukan bakat dalam bidang teknologi dan teknikal, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) telah menubuhkan Majlis Pembangunan Profesional Teknologi dan Teknikal (TPDC). TPDC ini bertujuan untuk memastikan jaminan kualiti dan standard pensijilan kursus jangka pendek dalam bidang teknologi dan teknikal, bagi memenuhi permintaan industri yang semakin berkembang untuk menghasilkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi.

Buat masa ini, tiada badan khusus yang memastikan jaminan kualiti kursus jangka pendek yang ditawarkan. MBOT melalui mandat daripada Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768), telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan TPDC bagi menilai aspek-aspek seperti kualiti pengajar, kandungan dan pendekatan kursus serta aspek penilaian. MBOT turut menitik beratkan aspek teknologi dan teknikal dengan hanya memberi pengiktirafan kepada kursus yang mempunyai sekurang-sekurangnya 70% elemen-elemen ini.

Dalam ucapan perasmianya, YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, berkata bahawa pelancaran TPDC adalah bukti komitmen Malaysia untuk memacu bidang sains, teknologi, dan inovasi selaras dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030, yang bertujuan menjadikan Malaysia sebagai negara berteknologi tinggi.

YB Tuan Chang Lih Kang turut menyatakan, "Kemajuan kecerdasan buatan (AI) dan pendigitalan yang pesat membuka peluang besar, tetapi juga membawa cabaran yang memerlukan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi."

Statistik terkini menunjukkan bahawa lebih 30% pekerjaan di Malaysia akan dipengaruhi oleh AI dalam 10 tahun akan datang. Negara dijangka memerlukan lebih 500,000 pekerja mahir tambahan menjelang 2030, sementara lebih 600,000 pekerja perlu menjalani pemahiran semula dalam tempoh 3 hingga 5 tahun untuk kekal relevan dalam pasaran kerja yang semakin kompetitif.

Inisiatif ini juga merupakan sebahagian daripada kerjasama strategik antara MBOT dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) yang memainkan peranan penting bagi memastikan tenaga kerja dalam bidang teknologi dan teknikal memperoleh peningkatan kemahiran yang berkualiti dan diiktiraf.

Majlis ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha MOSTI, YBhg. Professor Emerita Datuk Ts. Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Presiden MBOT, wakil daripada HRD Corp, wakil-wakil daripada MOSTI, agensi Kerajaan dan penyedia latihan.

-TAMAT-

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) merupakan sebuah badan profesional yang memberikan pengiktirafan profesional kepada Teknologis dan Juruteknik dalam bidang teknologi dan teknikal. MBOT telah ditubuhkan di bawah Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 [Akta 768] untuk mengiktiraf dan membangunkan profesion teknologis dan juruteknik sebagai profesion ikhtisas.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)

t.nabila@mbot.org.my

+603-8800 6268/+6017-798 2604